

21/06/2003

Warga pendidik diingat tabah jalani tugas

PENERIMA Anugerah Tokoh Guru Suluh Budiman tahun ini mengingatkan warga pendidik agar tabah dan cekal menjalankan tugas dengan ikhlas, tanpa jemu

mencurahkan bakti dalam zaman moden yang penuh cabaran.

Bekas guru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu Datuk

Mohd Zain Rashid, 90, berkata pendidik sentiasa menjadi harapan rakyat, terutama ibu bapa, memberi pendidikan sewajarnya yang dapat memperkembangkan pemikiran generasi pelapis sehingga berupaya membuat keputusan baik dalam kehidupan.

"Saya berpendapat ini adalah satu khidmat amat penting bagi kemajuan rakyat Malaysia kerana gurulah yang berperanan membuka hati dan minda masyarakat terhadap pembangunan dan perkembangan pendidikan.

"Dengan itu, masyarakat diharap tidak segera membuat keputusan yang membawa kepada kemarahan orang ataupun ketidaksempurnaan hidup rakyat Malaysia apabila timbul suatu masalah.

"Ini adalah suatu khidmat yang amat berharga," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah berkenaan pada majlis sambutan Hari Guru Suluh Budiman Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, semalam.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas. Hadir sama, isteri beliau, Toh Puan Majimor Shariff, dan Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Ir Dr Mohammad Noor Salleh.

Turut menerima anugerah sama dalam majlis berkenaan ialah bekas Menteri

Negara Kanan Pendidikan Singapura, Sidek Saniff, 65; Abu Hassan Ali, 73 (bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan); Othman Ali, 84 (bekas Penolong Pegawai Pelajaran Terengganu);

dan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Mumin Pengiran Othman, 80, dari Brunei.

Selain itu, 10 lagi menerima Anugerah Guru Suluh Budiman ialah Datuk Abdul Fatah Hassan dari Kuala Lumpur, Baharuddin Marji (Selangor), Ali Yaakob (Selangor), Wan Dus Mohamed (Selangor), Abdul Rahman Salleh (Kuala Lumpur), Shafie Tasi (Perak), Mohamad Said (Pulau Pinang), Mohd Anis Tairan (Singapura), Allahyarham Zainuddin Ismail (Perak) dan Datuk Abdul Rashid Ngah (Terengganu).